

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **Pengenalan:**

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran dan sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur pada masa kini. Amalan tersebut dapat dilihat dari segi kecenderungan dan kepercayaan terhadap proses penyeliaan, fungsi dan tugas yang dijalankan oleh Pengetua di sekolah untuk tujuan mempertingkatkan prestasi pengajaran guru. Di samping itu juga kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah amalan tersebut mempengaruhi atau memberi kesan kepada sikap guru di sekolah tersebut terhadap aktiviti penyeliaan pengajaran.

#### **Prosedur Kajian:**

Kajian ini menggunakan kaedah ‘survey’ secara pendekatan kuantitatif dan juga pengumpulan maklumat secara kualitatif. Respondennya terdiri daripada seorang pengetua dan guru-guru dari sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur.

Data untuk kajian ini didapati melalui soal selidik, soalan-soalan karangan pendek, temu bual dengan pengetua dan guru-guru dan pemerhatian langsung. Soalan-soalan karangan pendek yang dibentuk secara berstruktur, temu bual dan pemerhatian langsung dibuat dengan tujuan mendapatkan sumber secara kualitatif dan mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah berkenaan dan sikap guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah.

Kerjasama yang baik telah diberikan oleh pengetua, penolong-penolong kanan, ketua-ketua bidang mata pelajaran, ketua-ketua panitia mata pelajaran dan semua guru yang terlibat di sekolah tersebut. Mereka ini merupakan orang terlibat secara langsung dengan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah ini.

#### **Populasi dan Sampel:**

Sampel kajian ini berjumlah 26 orang yang melibatkan seorang pengetua, semua penolong kanan, ketua-ketua bidang, ketua-ketua panitia dan seorang guru yang dipilih secara rawak yang akan mewakili setiap mata pelajaran dan tingkatan, iaitu dari Tingkatan I, II, III, IV dan V di sebuah sekolah menengah gred A di Kuala Lumpur. Guru-guru berkenaan merupakan guru-guru terlatih. Guru sementara atau guru tidak terlatih tidak dimasukkan sebagai responden.

Semua soal selidik yang diberikan kepada sampel dikembalikan dan dilengkapkan dengan sempurna.

#### **Instrumen Kajian:**

Instrumen kajian yang akan digunakan oleh pengkaji merupakan soal selidik yang telah diubahsuai dari soal selidik ‘Peranan Pengetua Sebagai Penyelia Pengajaran Di Sekolah’ oleh Mohd Yaacob bin Ibrahim (1990), ‘Beliefs About Supervision’ oleh Susan Sullivan dan Jeffrey Glanz (2000) dan soalan-soalan karangan pendek yang dibentuk secara berstruktur yang diubah suai daripada artikel “At Cross-Purpose: What Do Teachers Need, Want, and Get From Supervision?” oleh Sally J. Zepeda dan Judith A. Ponticell. Pengubahsuai dilakukan dengan mengambil kira keperluan dan

kesesuaian penyelidikan yang dijalankan serta keadaan tempatan. Soal selidik dan soalan-soalan yang dibentuk khusus secara berstruktur bagi tujuan pengumpulan maklumat secara kualitatif telah dikemukakan kepada penyelia untuk disemak. Beberapa teguran dan cadangan telah diambil kira untuk memperbetulkan dan memperbaiki instrumen tersebut.

Walaupun, sebahagian besar soalan-soalan yang digunakan dalam instrumen ini telah pun digunakan oleh penyelidik-penyelidik lain di dalam dan luar negeri sebelum ini tetapi pengkaji telah menjalankan satu kajian awal untuk mengetahui sejauhmana responden memahami soalan-soalan dalam soal selidik tersebut. Kajian awal ini melibatkan sepuluh orang pelajar-pelajar Sarjana Kepengetuaan sesi 2000/2001. Pada keseluruhannya kajian ini mendapati responden dapat memahami soalan-soalan tersebut. Sebelum menjalankan kajian yang sebenar, penyelidik sekali lagi telah berbincang terlebih dahulu dengan responden tentang soalan-soalan yang dikemukakan bagi tujuan pemahaman kehendak soalan-soalan. Sememangnya soalan-soalan yang digunakan dalam instrumen ini dapat difahami oleh responden yang terlibat sebagai sampel.

Instrumen kajian ini digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai amalan pengetua ketika menjalankan tanggung jawabnya sebagai pemimpin penyeliaan, kecenderungan dan kepercayaan pengetua tentang penyeliaan pengajaran yang akan mempengaruhi amalan pendekatan penyeliaan tersebut dan akhir sekali tentang keperluan, kehendak dan apa yang guru dapat daripada penyeliaan yang akan menggambarkan sikap dan tanggapan mereka terhadap amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran

di sekolah. Instrumen kajian ini mengandungi empat bahagian dalam Lampiran A iaitu untuk dilengkapkan oleh semua responden kecuali pengetua dan satu bahagian dalam Lampiran B untuk dilengkapkan oleh pengetua.

#### **Lampiran A:**

##### Bahagian I.

Soalan-soalan untuk mendapat maklumat diri atau latar belakang responden, termasuklah jantina, umur, kelulusan, pengalaman, pengkhususan, tingkatan diajar dan bilangan kursus dalam perkhidmatan yang dihadiri. Bahagian ini mengandungi 9 soalan bagi tujuan maklumat demografi responden.

##### Bahagian II.

Bahagian ini bertujuan untuk melihat tentang keperluan, kehendak dan apa yang guru dapat daripada penyeliaan yang akan menggambarkan sikap dan tanggapan mereka terhadap amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah. Selain itu, bahagian ini juga akan dapat menjelaskan amalan sebenar pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah tersebut mengikut persepsi responden. Empat soalan telah dikemukakan dan responden perlu menjawab dan menjelaskannya dengan pantas dengan cara menulis karangan pendek yang dikawal. Soalan pertama telah ditentukan sub-kategorinya bagi dua kategori utama yang disoal. Ini adalah untuk memudahkan pengurusan dan penyelarasaran data apabila dianalisis kemudiannya. Responden boleh menulis semua aspek dalam sub-kategori itu atau memilih sekurang-kurangnya satu bagi menjelaskan pengalaman mereka. Responden perlu menjawab kedua-dua kategori tersebut. Kategori tersebut dibahagikan kepada dua keadaan

penyeliaan pengajaran di sekolah iaitu (i) situasi penyeliaan pengajaran terbaik pernah dialami dan (ii) situasi penyeliaan pengajaran terburuk pernah dialami.

A. Subkategori bagi situasi penyeliaan pengajaran terbaik pernah dialami:

- i. penyeliaan sebagai pengiktirafan keupayaan dan kebolehan guru;
- ii. penurunan kuasa kepada guru di dalam bilik darjah;
- iii. sesuatu yang dapat dilihat pada masa itu;
- iv. suatu yang dapat membimbing dan membantu; dan
- v. alat kepada peningkatan profesionalisme.

B. Subkategori bagi situasi penyeliaan pengajaran terburuk pernah dialami:

- i. penyeliaan sebagai suatu pertunjukan dan lakonan;
- ii. satu senjata untuk sesuatu tindakan selanjutnya;
- iii. tidak berfaedah dan kerja harian yang tidak dapat dilihat;
- iv. sesuatu yang telah ditetapkan seperti “check-list”; dan
- v. sesuatu yang tidak diingini.

### Bahagian III.

Bahagian ini bertujuan untuk melihat amalan-amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah. Terdapat sebanyak 30 kenyataan yang ada kaitan dan penjelasan tentang amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran. Responden dikehendaki memilih kenyataan berhubung dengan kekerapan pengetua melakukan amalan penyeliaan pengajaran di sekolah berdasarkan pandangannya sama ada ‘Amat Selalu’, ‘Selalu’, ‘Kadang-kadang’, ‘Jarang-jarang’, atau ‘Tidak Pernah’.

Pandangan tersebut telah dirumuskan kepada 3 aspek atau sub-kategori dalam kepimpinan penyeliaan pengajaran mengikut item-item seperti yang berikut: (Sila rujuk Lampiran A-Bahagian III, nombor item dalam soal selidik)

A. Amalan Melaksanakan Program Kurikulum Di Sekolah.

Nombor Item	Kenyataan
2.	Memberi cadangan dan buah fikiran untuk mempertingkatkan prestasi pengajaran guru
4	Membimbing guru menggunakan teknik pengajaran yang berkesan
12.	Memastikan setiap guru memahami aspek-aspek asas dalam pengajaran dan memahami sukatan pelajaran yang diajar
16.	Membantu guru menyelesaikan masalah yang ada kaitan dengan tugas pengajaran mereka
19.	Membantu guru merancang pengajaran bagi tujuan mencapai matlamat yang dikehendaki
20.	Membantu guru memilih dan menentukan aktiviti-aktiviti pengajaran yang sesuai
21.	Membantu guru menilai keberkesanan pengajaran yang telah mereka jalankan
22.	Menyediakan laporan pelaksanaan program kurikulum di sekolah

- 23. Membuat cadangan untuk perubahan program kurikulum di sekolah
- 27. Memeriksa buku rekod mengajar guru
- 28. Memeriksa buku latihan pelajar
- 29. Menghadiri mesyuarat panitia mata pelajaran
- 30. Mencerap guru mengajar di dalam kelas

**B. Amalan Mempertingkatkan Perkembangan Guru.**

Nombor Item	Kenyataan
1.	Menunjukkan sifat ‘sense of humor’ sewaktu menjalankan aktiviti penyeliaan seperti memberi panduan dan penerangan.
3.	Menunjukkan cara penggunaan bahan pengajaran serta strategi pengajaran baru
6.	Memberi dan menyampaikan maklumat kepada guru mengenai peluang-peluang untuk memperbaiki taraf profesionalisme mereka
8.	Membantu guru dalam membina keyakinan diri sewaktu menyampaikan pengajaran
10	Memaklumkan kepada guru mengenai hasil sesuatu seminar atau kursus yang telah dihadirinya
13.	Memberikan dorongan dan peluang bagi membolehkan sesama guru mengadakan perbincangan mengenai kerjaya mereka

14. Memberikan maklum balas kepada setiap orang guru setelah mencerap pengajaran di dalam kelas
15. Menggalakkan guru-guru mengguna dan mengembangkan cara pengajaran mereka sendiri
17. Mengambil inisiatif menganjur atau menjalankan sesuatu penyelidikan di sekolah
18. Membuat demonstrasi pengajaran kepada guru di dalam kelas
26. Mengatur dan menganjurkan program ceramah, bengkel, seminar dan kursus mengenai pengajaran dan kurikulum di sekolah

**C. Amalan Menyelia Penyediaan Bahan Pengajaran Di Sekolah.**

Nombor Item	Kenyataan
5.	Menyediakan alat bantu mengajar di sekolah bagi kegunaan guru
7.	Mengenal pasti dan mendapatkan sumber-sumber maklumat mengenai bahan-bahan pengajaran yang diperlukan di sekolah
9.	Bersama guru menentukan pilihan penggunaan buku teks dan bahan pengajaran dan pembelajaran sekolah
11.	Membantu guru dalam memenuhi keperluan dan kelengkapan yang diperlukan di dalam kelas
24.	Berbincang dengan guru bagi mendapatkan bahan pengajaran yang mencukupi untuk kegunaan sekolah
25.	Menggalakkan guru membuat rujukan dari mana-mana pusat sumber atau perpustakaan

#### Bahagian IV.

Bahagian ini bertujuan untuk melihat dan meninjau tanggapan dan sikap guru terhadap amalan kepimpinan penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh pengetua di sekolah. Responden dikehendaki memberi pandangan mereka berdasarkan kepada ‘sangat setuju’, ‘setuju’, ‘tidak pasti’, ‘tidak setuju’, atau ‘sangat tidak setuju’ mengenai amalan kepimpinan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah. Bahagian ini mengandungi 7 soalan.

Nombor Item	Kenyataan
1.	Penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh Pengetua dapat mempertingkatkan prestasi pengajaran guru
2.	Penyeliaan hanyalah untuk melihat prestasi guru dari semasa ke semasa
3.	Penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh Pengetua bertepatan dengan harapan guru
4.	Pengetua perlu menjalankan penyeliaan ke atas pengajaran semua guru bagi memastikan objektif pengajaran tercapai
5.	Penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh Pengetua di dalam kelas <b>TIDAK</b> menyebabkan guru merasa cemas dan <b>TIDAK</b> mengganggu pengajaran guru
6.	Pengetua tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan profesional yang cukup untuk menjalankan tugas-tugas penyeliaan pengajaran di sekolah

7. Penyeliaan pengajaran oleh Pengetua di dalam kelas **BUKAN**  
bertujuan mencari kelemahan dan kesalahan guru semata-mata

**Lampiran B:**

Bahagian ini bertujuan untuk melihat kecenderungan dan kepercayaan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah terhadap amalan penyeliaan pengajaran sama ada beroperasi di atas landasan birokratik, autokratik, demokratik atau kolaboratif. Hanya pengetua sahaja sebagai responden bagi melengkapi bahagian soal selidik ini. Responden hanya perlu menjawab ‘benar’ atau ‘salah’ kepada kenyataan-kenyataan yang diberikan. Bahagian ini mengandungi 40 soalan.

No. Item	Kenyataan
1.	Penyeliaan pada dasar adalah mencari kesalahan guru.
2.	Pendekatan bimbingan yang terarah adalah yang paling sesuai kepada guru pada peringkat rendah peribadi dan perkembangan staf .
3.	Mengajar ialah sesuatu yang sangat kompleks, <b>khusus</b> , aktiviti interaktif
4.	Kepentingan organisasi selalunya adalah keperluan kedua kepada kebanyakan individu
5.	Kedudukan penyelia dalam hirarki dibandingkan dengan guru tidak membawa masalah
6.	Hirarki dalam pentadbiran adalah perlu untuk keberkesanan sesuatu organisasi
7.	Saya tidak selesa bekerja dengan guru sebagai rakan kongsi
8.	Penyeliaan ialah sesuatu yang memberi guru bantuan khusus dalam peningkatan pengajaran

9. Penyeliaan ialah sesuatu pemeriksaan dan analisis tingkah laku pengajaran bilik darjah supaya dapat dibuat cadangan bentuk tindakan yang boleh diambil oleh guru
10. Guru boleh membantu penyelia bagi meningkatkan prestasi mereka
11. Kebanyakan guru adalah terarah kendiri
12. Penyelia sepatutnya pakar dalam bidang diagnosa
13. Penyeliaan ialah satu proses kolaboratif di mana penyelia dan guru berbincang bagi meningkatkan pengajaran
14. Penyeliaan ialah sesuatu untuk mencari kesalahan dan mengadakan dialog dengan guru untuk menyedarkan mereka tentang kepesongan tersebut.
15. Fokus penyeliaan sepatutnya ialah membantu guru berubah dan meningkatkan pengajaran
16. Tanpa bimbingan guru-guru umumnya tidak boleh membuat perubahan
17. Realiti di dalam bilik darjah pada dasarnya ialah subjektif bukan objektif, dan pengajaran ialah usaha yang kompleks dan memerlukan kajian yang berterusan
18. Walaupun, kolaborasi penyelia-guru adalah penting tetapi penilaian penyelialah yang akhirnya patut berkuasa
19. Sekolah ialah pusat pertanyaan di mana guru sendiri mesti andaikan bertanggung jawab kepada kecemerlangan pengajaran
20. Penilaian kendiri guru memainkan peranan penting dalam peningkatan pengajaran
21. Penyelia ialah agen kepada peningkatan pengajaran

22. Pendekatan kualitatif kepada peningkatan pengajaran adalah sama keesahannya dengan pendekatan kuantitatif
23. Penyelia membantu guru berubah
24. Dialog reflektif ialah komponen perlu penyeliaan
25. Aktiviti peningkatan pengajaran termasuklah bimbingan rakan sejawatan, projek kajian tindakan dan kumpulan penyelesai masalah lebih daripada aktiviti perkembangan yang tradisional
26. Penyeliaan terutamanya ialah bertanya tentang peperiksaan yang membantu amalan guru di dalam bilik darjah
27. Apabila saya memberi kritikan yang konstruktif kepada guru, saya berharap mereka mempertimbangkan secara berhati-hati
28. Guru yang berpengalaman dan berpotensi tinggi sepatutnya mempunyai kawalan penuh terhadap perkembangan profesional mereka
29. Penyelialah pada akhirnya yang menentukan apa dan bagaimana guru-guru itu patut mengajar
30. Guru-guru sepatutnya digalakkan untuk menjalankan matlamat pendidikan dan keputusan kurikulum sendiri
31. Guru-guru sepatutnya diberi pilihan atas bagaimana mereka mahu mengajar
32. Guru-guru tidak sepatutnya menurut peraturan rasmi jika mereka rasakan ia akan mengganggu kebijakan pelajar
33. Guru-guru tidak meluangkan masa yang mencukupi untuk berfikir tentang cara-cara bagi meningkatkan pengajaran

34. Penyelia sepatutnya mencipta peluang-peluang kepada guru-guru untuk membuat pilihan peribadi dan profesional, dan bukannya membentuk tingkah laku mereka
35. Penyelia sepatutnya mendengar dan memberi perhatian sepenuhnya hasrat guru dan memberikan penilaian yang kritikal dan idea yang konstruktif untuk perubahan
36. Sekolah akan meningkat terutamanya apabila terdapat norma-norma “collegiality” dalam mana perbincangan bersama dan bekerjasama antara semua staf telah wujud
37. Pada asasnya pengetahuan penyelia secara umumnya lebih tinggi daripada guru
38. Penyelia sepatutnya sentiasa mencari input daripada guru, ibu bapa dan pelajar tentang cara-cara bagi meningkatkan pengajaran
39. Kebanyakan guru tidak memerlukan arahan yang khusus atas apa untuk mengajar dan bagaimana untuk mengajar
40. Penyelia sepatutnya mempunyai kepakaran yang lebih daripada guru lebih-lebih lagi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran

1. Jawapan yang menunjukkan pengetua beroperasi atau cenderung ke arah cara **birokratik dan autokratik.**

Jawapan	Nombor Kenyataan
Benar	1, 2, 5, 6, 7, 8, 9, 12, 14, 15, 16, 18, 21, 23, 27, 29, 33, 35, 37, dan 40
Salah	3, 4, 10, 11, 13, 17, 19, 20, 22, 24, 25, 26, 28, 30, 31, 32, 34, 36, 38, dan

2. Jawapan yang menunjukkan pengetua beroperasi atau cenderung ke arah cara demokratik dan kolaboratif.

Jawapan	Nombor Kenyataan
Benar	3, 4, 10, 11, 13, 17, 19, 20, 22, 24, 25, 26, 28, 30, 31, 32, 34, 36, 38, dan 39
Salah	1, 2, 5, 6, 7, 8, 9, 12, 14, 15, 16, 18, 21, 23, 27, 29, 33, 35, 37, dan 40

#### **Analisis Data:**

Analisis data dibuat dengan memproses dapatan kajian berdasarkan taburan kekerapan dan min. Oleh kerana sampel kajian terlalu kecil dan untuk memudahkan menganalisis data dalam Bahagian III dan IV instrumen kajian ini, maka skala kekerapan telah digabungkan menjadi tiga skala kekerapan iaitu ‘amat selalu’ digabungkan dengan ‘selalu’ menjadi ‘selalu’, ‘kadang-kadang’ digabungkan dengan ‘jarang-jarang’ menjadi ‘kadang-kadang’ dan ‘tidak pernah’ dikekalkan. Cara yang sama juga dilakukan dalam Bahagian IV iaitu menggabungkan skala kekerapan kepada tiga jenis skala iaitu ‘sangat setuju’ digabungkan dengan ‘setuju’ menjadi ‘setuju’, ‘tidak pasti’ dikekalkan dan ‘tidak setuju’ digabungkan dengan ‘sangat tidak setuju’ menjadi ‘tidak setuju’. Selain itu, ia akan diperkuuhkan dengan sokongan rekod/dokumen/ berkaitan yang diperolehi daripada sekolah kajian. Tinjauan dan sumber data yang dikumpul secara kualitatif dan pemerhatian langsung yang dilakukan oleh pengkaji di sekolah juga akan digunakan bagi memperkuatkan penerangan. Sumber yang dikumpul secara kualitatif ini diperolehi daripada analisis isi kandungan jawapan karangan pendek yang ditulis secara spontan dan pantas. Bagi memudahkan urusan untuk menganalisis data ini maka pengkaji telah

berbincang dan mendapat persetujuan agar isi kandungan itu diselaraskan dan diseragamkan dan seterusnya digunakan oleh responden sebagai panduan untuk menulis jawapan tentang persepsi mereka.